



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

ISNIN
30 SEPTEMBER 2024



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	30 September 2024
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	3

Laksana Dasar Gaji Progresif sehingga tiga tahun - MEF

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Insentif Dasar Gaji Progresif (DGP) yang bermula bulan depan perlu dilaksanakan secara menyeluruh untuk tempoh sehingga tiga tahun.

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husain berkata, pelaksanaan setahun yang diumumkan sebelum ini akan menjadi beban besar kepada majikan.

Katanya, majikan bimbang tidak dapat terus menanggung kos apabila kerajaan tidak merusur subsidi selepas tempoh setahun itu.

"Kebanyakannya majikan tertanya-tanya status DGP jika kerajaan menghentikan insentif setelah tamat setahun sama ada mereka boleh menarik balik kenaikan gaji yang diberi atas dasar subsidi bulanan yang diberikan kepada majikan.

"Untuk memberi keyakinan dan menggalakkan majikan menyertai DGP, kerajaan hendaklah memberi keyakinan

“Kebanyakannya majikan tertanya-tanya status DGP jika kerajaan menghentikan insentif setelah tamat setahun.”

bahawa insentif DGP adalah untuk jangka waktu yang lebih panjang dan bukan setakat setahun sahaja," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Media sebelum ini melaporkan DGP dijangka dilaksanakan secara menyeluruh pada Oktober ini selepas penilaian impak projek rintis selesai dilaksanakan bulan ini.

Selain itu, kerajaan pada Ogos dilapor tidak menolak untuk melanjutkan tempoh masa pemberian insentif kepada majikan yang melaksanakan dasar tersebut kepada 24 bulan berbanding 12 bulan ditetapkan

ketika ini.

Syed Hussain berkata, kerajaan disaran memberi rangsangan kepada majikan sektor swasta untuk melaksanakan DGP dengan memberi jaminan insentif tidak terhad kepada satu tahun sahaja.

"Walaupun ada kenyataan bahawa kerajaan menimbang untuk melanjutkan pelaksanaan lebih dari setahun, majikan tidak begitu yakin.

"Jika kerajaan memutuskan untuk tidak memberi subsidi selepas satu tahun, majikan akan dibebani dengan kos gaji yang tinggi kerana jumlah kenaikan gaji dibawah DGP adalah antara RM200 hingga RM300.

"Keperluan majikan yang menyertai DGP untuk membayar gaji pada kadar yang ditetapkan juga menjadi halangan kepada majikan kerana kadar terendah yang ditentukan adalah kira-kira 20 peratus lebih tinggi dari kadar gaji minimum semasa," katanya.

Namun, beliau mengakui DGP mewujudkan situasi menang-menang dalam kalangan pekerja, kerajaan dan majikan.

Katanya, ini kerana pekerja

perlu dilatih untuk meningkatkan produktiviti yang akhirnya akan menjadikan majikan lebih berdaya saing.

Selain itu, MEF berharap selain pelaksanaan DGP, kerajaan berusaha membawa pelaburan baharu bernilai dan berimpak tinggi yang memperkenalkan teknologi baru.

"Usaha sebegini akan mewujudkan peluang pekerjaan bernilai lebih tinggi bagi menarik lebih ramai pakar untuk tinggal di Malaysia dan menarik pakar Malaysia yang berada di luar negara pulang ke tanah air.

"Kerajaan hendaklah menarik pelaburan berkualiti tinggi untuk menyediakan rakyat peluang, cabaran dan keseronokan yang lebih baik dalam pekerjaan.

"Kita juga mesti melakukan semua usaha yang kita mampu untuk mengekalkan industri sedia ada dengan menawarkan insentif baharu yang lebih menarik.

"Untuk mengekalkan mereka di sini adalah lebih penting kerana mereka sudah biasa dengan budaya kita dan cara kita bekerja," katanya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akbar	Berita Harian
Tarikh	30 September 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	9



NHCCE 2024 platform bincang, atasi cabaran di tempat kerja

Perwakilan akan berkongsi amalan terbaik untuk kemahiran semula bagi mendahului revolusi AI

Oleh Tuty Hayanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: National Human Capital Conference & Exhibition (NHCCE) 2024 yang menjadi platform perbincangan penyelesaian isu berkaitan cabaran di tempat kerja, bakal diadakan pada 30 September ini.

Persidangan anjuran Human Resource Development Corporation (HRD Corp) akan berlangsung selama tiga hari sehingga 2 Oktober di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC).

NHCCE 2024 yang sebelum ini dikenali sebagai Persidangan & Pameran HRDF dijangka menarik perhatian lebih ramai perwakilan dari rantau Asia Tenggara susulan pengajaran persidangan itu tahun lalu yang berjaya menarik lebih 4,000 peserta dari dalam dan luar negara.

Kejayaan menghimpuun pengamalan bidang modal insan dan sumber manusia tempatan dan antarabangsa itu turut mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai persidangan pembangunan modal insan terbesar di Malaysia.

Objektif utama NHCCE 2024 adalah untuk menangani wacana penting mengenai peranan Kecerdasan Buatan (AI) di tempat kerja dan kebaikannya untuk masa hadapan.

Persidangan itu akan melihat cara menangani cabaran dan memanfaatkan peluang daripada pertumbuhan AI untuk tenaga kerja dan bakat di rantau ini.

Melalui persidangan itu, perwakilan akan berkongsi amalan terbaik untuk kemahiran semula dan peningkatan kemahiran untuk terus mendahului revolusi AI merentasi pelbagai sektor.

Persidangan itu sekali gus membantu memupuk kerjasama antarabangsa dalam membangunkan penyelesaian AI yang melengkapkan kekuatan manusia.

Selain itu, ia juga akan turut menyokong pelabur dalam penyelidikan dan pembangunan di pacu AI yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan di seluruh rantau ini.

Tema NHCCE 2024 adalah Menginsan Kecerdasan Buatan (AI) Untuk Tenaga Kerja Masa Depan.

Tema itu amat bertepatan dengan peningkatan AI merentasi skala global yang menghasilkan impak besar dalam memajukan pembangunan modal insan.

Malah, platform pembelajaran yang dikuasakan AI dan pembantu maya dapat membantu memudahkan pembangunan kemahiran dan pemerolehan pengetahuan untuk pekerja.

Ia sekali gus dapat membantu mereka menyesuaikan diri dengan keperluan pekerjaan yang berkembang dan kekal berdaya saing dalam pasaran kerja global.

Kehadiran AI di tempat kerja juga membawa perubahan yang signifikan dalam cara bekerja dan berinteraksi dengan teknologi.

Selain itu, ia juga akan sebagai penggerak di sebalik perbincangan dan inisiatif berterusan yang membentuk masa depan kerja dan pembangunan bakat di seluruh dunia.

Berpanduan tema itu, NHCCE 2024 menyasarkan membincangkan berkenaan peranan AI di tempat kerja dan kebaikannya pada masa hadapan.

Manfaatkan pertumbuhan AI

Selain itu, persidangan itu juga akan membincangkan berkenaan cara menangani cabaran dan memanfaatkan peluang daripada pertumbuhan AI untuk tenaga kerja dan bakat di rantau ini.

NHCCE 2024 turut memperluaskan skopnya untuk merangkumi keseluruhan spektrum pembangunan modal insan terbesar di Malaysia.

Objektif utama NHCCE 2024 adalah untuk menangani wacana penting mengenai peranan Kecerdasan Buatan (AI) di tempat kerja dan kebaikannya untuk masa hadapan.

Persidangan itu akan melihat cara menangani cabaran dan memanfaatkan peluang daripada pertumbuhan AI untuk tenaga kerja dan bakat di rantau ini.

Melalui persidangan itu, perwakilan akan berkongsi amalan terbaik untuk kemahiran semula dan peningkatan kemahiran untuk terus mendahului revolusi AI merentasi pelbagai sektor.

Persidangan itu sekali gus membantu memupuk kerjasama antarabangsa dalam membangunkan penyelesaian AI yang melengkapkan kekuatan manusia.

Selain itu, ia juga akan turut menyokong pelabur dalam penyelidikan dan pembangunan di pacu AI yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan di seluruh rantau ini.

gunaan modal insan dan perniagaan serta menetapkan peringkat untuk menentukan perbincangan seterusnya mengenai pembangunan modal insan.

Justerit, iaitu, persidangan kali ini akan menyentuh empat perkara utama dalam memperkasa modal insan iaitu perniagaan dan ekonomi; teknologi; sumber manusia, tenaga kerja dan etika; serta kepimpinan dan budaya.

Oleh itu, bagi memastikan NHCCE 2024 mencapai objektif pengajarannya dengan memberi impak, persidangan itu menampilkan lebih 30 tokoh terkemuka

bidaung modal insan, pengamalan sumber manusia dan pakar dalam bidang masing-masing.

Antara yang akan hadir adalah wartawan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Zetree, Mehdil Hasan; jurulatih eksekutif terkenal dunia dan pengarang popular, John Mattone; Pengurus ROI Institute, Inc, Dr Jack J Phillips; penulis ceramah utama antarabangsa, Dr Justin Cohen dan Pakar Strategi Inovasi dan pengarang popular, Shawn Kanungo.

Selain persidangan, NHCCE 2024 juga akan menampilkan beberapa siri aktiviti menarik ter-

masuk pameran terbesar di Malaysia tahun ini yang menghimpuun lebih 300 pameran terkenal yang mempersembahkan trend terkini dalam model peningkatan kemahiran, teknologi baharu dan platform kesejahteraan yang akan menggalakkan pertumbuhan organisasi serta pembangunan individu.

Terdapat juga BizMatch iaitu 'lounge' pemadaman perniagaan di dewan pameran yang menawarkan latihan sesuai kepada organisasi dengan diskaun tertentu.

Sesi Ceramah Pembelajaran iaitu sesi perkongsian berkaitan (AI) yang disampaikan oleh pakar industri dan tokoh terkenal di negara antaranya Perunding Pemasaran B2B Pemasaran Digital, Bob Low; Ketua Syntaxis Synamatix Sdn Bhd mengenai Bioengineering, Dr Mohd Redza Abdul Rahman dan Pengarang Latihan dan Pendidikan Virtualtech Frontier, Johan Donough mengenai Technology.

Bagi memeriahkan lagi suasana, turut akan diadakan adalah sesi Giggle and Groove iaitu pengalaman permainan moden dalam persekitaran yang santai dan interaktif, menjonokkan pelbagai kepelbagaiannya budaya Malaysia kepada delegasi antarabangsa.

Celebriti yang akan bersama menghiburkan pelawat termasuk Lail Ahmad, Aly Iskandar, Rajaem Brian dan Zharif Zaki akan menghiburkan tetamu di kawasan pameran.

Terdapat juga 'Booster Area' bagi menghiburkan perwakilan dan pelawat melalui Permainan Kesonoran dan Trivia menggunakan platform Kahoot yang memberi peluang untuk memenangi bau-car yang menarik.

Aktiviti yang akan diadakan di kawasan itu termasuk Simulator Pertempuran Udara, Rollercoaster VR, Platform VR, Simulator Kereta Asas dan Set PlayStation.

Turut akan diadakan, MyFutureJob Career Fair dengan menampilkan hampir 50 majikan yang menawarkan peluang pekerjaan kepada pengunjung.

Pembelian pas masuk bagi NHCCE 2024 masih dibuka dan boleh juga mendaftar secara 'walk-in' pada 30 September ini.

Pembelian pas standar adalah RM3,200 manakala pas kumpulan dengan minimum lima peserta adalah RM2,900 setiap seorang.

Harga pas bagi penjawat awam adalah RM2,500, pas pelajar (RM700); pas antarabangsa standard (AS\$1,200) dan pas antarabangsa kumpulan dengan minimum tiga peserta (AS\$900).

Mereka yang berminat untuk menghadiri pameran boleh mendaftar di <https://form.evensis.com/NHCCE2024/visitor>.



Persidangan NHCCE tahun lalu berjaya menarik lebih 4,000 peserta dari dalam dan luar negara.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	30 September 2024
Ruang	Negara!
Muka Surat	2

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

Cikgu ramai ambil MC

Dari MUKA 1

Selain itu, ada juga guru yang dikesan sengaja memohon cuti kecemasan (EL) untuk kepentingan peribadi.

Cuepacs berkata, setiap tahun kira-kira satu hingga dua peratus daripada 10,000 penjawat awam dikenal pasti memberi cuti sakit palsu selain sengaja menggunakan cuti kecemasan semata-mata mahu melanjutkan tempoh bercuti.

"Selalunya selepas cuti panjang akan ada penjawat awam yang bagi cuti sakit palsu termasuk memohon cuti kecemasan. Kes ini lebih ramai berlaku dalam kalangan guru.

"Mereka ini (guru) tidak banyak cuti tahun seperti mana yang diterima oleh penjawat awam lain, sebaliknya mereka banyak bergantung kepada cuti persekolahan.

"Jadi ada yang tidak bertanggungjawab sehingga beri cuti sakit palsu semata-mata mahu +sambung percutian," katanya kepada Kosmo.

Tambah Cuepacs, kebanyakannya penjawat awam yang menipu dengan mengemukakan sijil cuti sakit adalah mereka yang gagal mendapatkan cuti sakit daripada pihak klinik atau hospital.

"Mereka tipu sebab kadang-kadang tidak dapat cuti sakit di klinik atas faktor kesihatan mereka tidak sampai ke tahap mengganggu proses kerja.

"Ada juga dalam kalangan penjawat awam selalu beri alasan penting sebab perlu memandu dalam tempoh lama semasa cuti dan mereka memerlukan tambahan rehat. Sebab itu ada yang



PERBUATAN menipu sijil cuti sakit merupakan satu kesalahan serius dan pekerja yang didapati bersalah boleh dibuang kerja serta-merta.

memohon MC sedangkan mereka bukannya sakit," jelasnya.

Menurut Cuepacs, mana-mana penjawat awam yang ditangkap menipu dalam menggunakan kemudahan cuti tersebut berdepan tindakan tatatertib termasuklah dibuang kerja.

"Perbuatan tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana telah melanggar Akta Pekerja 1955 dan juga Peraturan 4(2)(f) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Am (Kelakuan dan Tatatertib) 1993," katanya.

Sehubungan itu, Cuepacs mahu perbuatan itu dipantau

oleh setiap kementerian dan jabatan terlibat bagi mengelak ia bertambah kronik dalam kalangan penjawat awam.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd. Effendy Abdul Ghani berkata, budaya menipu MC sebenarnya memberi impak buruk bukan sahaja terhadap produktiviti organisasi, tetapi juga persepsi majikan terhadap pekerja.

"Isu pekerja yang menyalahgunakan MC atau cuti kecemasan ketika cuti umum bersambung memang sering berlaku.

"Pekerja yang terlibat dalam amalan ini mungkin dianggap tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati etika kerja sehingga boleh menjelaskan hubungan baik dengan majikan serta rakan sekerja lain," katanya.

Mohd. Effendy berkata, pekerja seharusnya mengutamakan kejujuran dan bertanggungjawab dalam urusan cuti untuk memastikan suasana kerja yang lebih profesional dan harmoni serta tidak menjelaskan prestasi dan produktiviti.

"Secara amnya, ini merupakan satu bentuk amalan tidak

berdisiplin yang perlu dielakkan oleh pekerja kerana walaupun cuti adalah hak pekerja, ia perlu digunakan secara beretika dan bertanggungjawab," tegasnya.

Bagi majikan pula, beliau berkata, mereka boleh menjelaskan mengenai polisi cuti dengan lebih terperinci dan memastikan pekerja memahami akibat jika menyalahgunakannya.

"Sekiranya terdapat bukti penyalahgunaan cuti sakit atau kecemasan, tindakan disiplin boleh diambil selaras dengan undang-undang dan peraturan sedia ada," katanya.